

10 NOV 1999

Pilihan raya-Perlis

SHAHIDAN YAKIN PILIHAN RAYA UMUM KE-10 BERPIHAK KEPADA BN

KANGAR, 10 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim yakin pilihan raya umum ke-10 dan terakhir di abad ini akan berpihak kepada Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata jentera pilihan raya BN negeri sudah lama digerakkan dan akan dipertingkatkan berikutan pembubaran Parlimen, yang berkuatkuasa esok.

Bercakap kepada para pemberita di pejabatnya di sini malam ini, Shahidan berkata beliau akan menghadap Raja Perlis di Istana Kenangan Indah, Repoh pukul 10 pagi esok untuk mendapat perkenan baginda bagi pembubaran dewan negeri.

Shahidan, yang juga anggota dewan undangan negeri kawasan Tambun Tulang, tidak menolak kemungkinan beliau dicalonkan semula untuk bertanding di kawasan kelahirannya itu.

Katanya senarai calon yang mengandungi muka lama dan baru telah disediakan dan menunggu masa sesuai untuk dikemukakan bagi pertimbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya antara kriteria pemilihan calon ialah mereka yang mempunyai komitmen tinggi terhadap negara dan rakyat di samping mempunyai kesungguhan menjayakan Wawasan 2020.

Perlis mempunyai 15 kawasan dewan undangan negeri dan tiga kawasan parlimen. Dua daripada kawasan dewan undangan negeri diperuntukkan kepada MCA manakala selebihnya kepada Umno.

Shahidan, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, berkata Perlis akan berusaha memulihkan tiga kawasan yang dianggap kelabu tetapi tidak menyatakan nama kawasan-kawasan terbabit.

"Jika ia kelabu bagi BN, ia juga tentu kelabu bagi parti pembangkang," katanya.

Shahidan kemudian mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri, iaitu mesyuarat terakhir sebelum pembubaran dewan undangan negeri esok.

Mesyuarat itu akan membincangkan agenda kelulusan tanah untuk rakyat kerana terdapat kira-kira 12,000 permohonan yang belum diselesaikan berikutan permohonan bertindih, katanya.

Sementara itu, Pesuruhjaya PAS Perlis Haji Hashim Jasin berkata parti pembangkang itu juga telah bersedia menghadapi pilihan raya umum akan datang itu.

Hashim, yang juga anggota parlimen Arau, berkata parti itu telah menyusun senarai calon yang akan bertanding di peringkat dewan undangan negeri dan parlimen.

Beliau turut yakin PAS akan dapat menawan beberapa kerusi dewan undangan negeri.

-- BERNAMA

AD NAK